

# Musim buat PPK dah bermula..

Semua pelajar **WAJIB** buat PPK!!

## 1 APA ITU PPK?

PPK = Pra Pendaftaran Kursus ; aktiviti akademik di mana semua pelajar **WAJIB** mendaftarkan kursus yang **DIANGKA** akan diambil pada semester hadapan (**JULAI 2016**).

## 2 BILA NAK BUAT PPK?

**5 - 26 MEI 2016**

## 3 MACAM MANA NAK BUAT PPK?

- Login ke portal CMS ; Buka laman web KPTM Kuantan ☞ <http://ktn.kptm.edu.my/>
- Klik 'Academic' ☞ Klik 'Pre Subject Registration'
- Senarai kursus akan dipaparkan ☞ Pilih semester 'All'
- Klik kotak pada kursus yang hendak dipilih dan klik button 'Add'.
- Klik *view my prereg enrollment* untuk melihat senarai kursus yang berjaya didaftarkan.
- Jika ada kursus yang tidak dikehendaki, sila klik button 'drop' untuk gugurkan subjek tersebut.
- Untuk cetak slip PPK, sila klik gambar printer. ☞  Print Pre-Registration Subject :
- Pastikan slip PPK yang dicetak ada logo KPTM. ☞ 

1. Utamakan pendaftaran kursus ;
  - ☞ Belum diambil pada semester terdahulu.
  - ☞ Pernah gagal tetapi belum lagi diambil.
2. Pelajar berstatus **PERHATIAN** hanya dibenarkan mendaftarkan kursus tidak melebihi 12 jam kredit sahaja.
3. **TIDAK DIBENARKAN** mendaftarkan kursus melebihi 20 jam kredit pada satu-satu pengajian.
4. Sekiranya kursus pra syarat yang didaftarkan gagal (selepas pengumuman keputusan peperiksaan), sila kemaskini PPK untuk menggugurkan kursus tersebut.
5. Pelajar semester akhir dibenarkan mendaftarkan kursus **TIDAK** melebihi 23 jam kredit dengan mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Akademik.
6. Seksyen bagi setiap kursus akan diagihkan selepas pendaftaran kolej semester berikutnya.

# MAKLUMAT PENTING!

## 4 CETAK UNTUK PENASIHAT AKADEMIK

Bila dah buat PPK, cetak satu dan bagi pada Penasihat Akademik anda dahulu.

## 6 CETAK UNTUK SPRS

Selepas kemaskini/result diumumkan, cetak satu lagi slip PPK dan bawa pada hari pendaftaran nanti. (Kaunter SPRS akan kutip).

## 5 KEMASKINI PPK

Apabila keputusan peperiksaan diumumkan, sila kemaskini PPK sekiranya ada pembetulan atau perubahan pada kursus yang perlu diambil.

## 7 KALAU TAK BUAT PPK?

- 3.3.2 Pelajar yang gagal membuat CPR seperti yang diarahkan boleh dikenakan denda RM30.00.
- 3.3.3 Pelajar perlu mengemaskini CPR berdasarkan keputusan peperiksaan yang diumumkan selewat-lewatnya seminggu sebelum kuliah semester baharu bermula.
- 3.3.4 Pendaftaran kursus hendaklah dilakukan mengikut prosedur dan dalam tempoh yang ditetapkan. Pelajar yang gagal berbuat demikian akan dikenakan denda lewat mengikut kadar yang ditetapkan seperti perkara 3.3.2.

Sumber : Buku Peraturan Akademik Pindaan 2015 \*CPR = Pra Pendaftaran Kursus